

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”

Kempen

1. **Kempen “CIMB Preferred 2022 Mesra Prestige” (“Kempen”)** adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”), CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic**”) dan PETRONAS Dagangan Berhad [No Pendaftaran: 198201008499 (88222-D)] (“**PDB**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai (“**CIMB**”).
2. Kempen ini akan berlangsung dari **1 April 2022 hingga 30 September 2022, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)**.
3. CIMB merizabkan hak untuk mengubah jangka masa dan/atau tarikh-tarikh pemulaan dan/atau luput Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada dua ratus (200) ahli kelab “Mesra Prestige” pertama yang menjadi pelanggan individu CIMB Preferred baharu (“**Pelanggan Layak**”) semasa Tempoh Kempen.
5. Berhubung dengan akaun bersama Preferred CASA/-i, hanya pemegang akaun pertama dinamakan iaitu pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini (“**Pemegang Akaun Utama**”). Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini.
6. Walaupun yang dinyatakan di bawah Klausula 4, individu/entiti yang berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - i) Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB Bank, CIMB Investment Bank Berhad, dan/atau CIMB Islamic (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaannya); dan/atau
 - ii) Pemilikan tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
 - iii) Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - iv) Individu AS seperti yang ditakrif di bawah (terpakai kepada Dana Unit Amanah Konvensional / Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain sebagaimana yang mungkin):
 - a. Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat termasuk mana-mana individu yang mempunyai domisil Amerika Syarikat; atau
 - b. Mana-mana individu dengan suatu alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
 - c. Mana-mana individu yang memegang suatu Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - d. Mana-mana individu yang memenuhi “substantial presence test”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat bagi sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31) dalam tahun semasa, 1/3 hari dalam tahun sebaik sebelumnya, dan 1/6 hari dalam tahun sebelumnya yang kedua; atau
 - e. Mana-mana individu ditakrif sebagai seorang Individu AS bagi tujuan Cukai Amerika Syarikat.
 - v) Pemegang akaun CIMB tanpa nombor mudah alih sah yang didaftar dalam rekod CIMB; dan/atau
 - vi) Pemegang akaun CIMB terpilih yang telah ditawarkan untuk menyertai dalam kempen CIMB lain.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”

Tawaran Kempen

7. Pelanggan Layak mungkin layak untuk Kempen ini jika mereka memenuhi Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

<u>Kriteria Preferred</u>	<u>Syarat Wajib Lain</u>
<u>Syarat Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) sekurang-kurangnya RM250,000.00</u>	<ul style="list-style-type: none">• <u>Mesti mempunyai akaun Simpanan Tetap / Pinjaman / Pembiayaan / Pelaburan (tidak termasuk Kad Kredit/-i) individu dengan CIMB (“Produk Layak”); dan</u>• <u>Untuk menunjukkan bukti keahlian “Mesra Prestige”.</u>

Nota Penting:

Jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) = Jumlah Simpanan + Jumlah Pelaburan Bersih + Sun Invest Bersih (Pemegang Akaun Utama sahaja)

8. Penentuan CIMB tentang siapa yang merupakan seorang Pelanggan Layak dan siapa yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan untuk tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dianggap konklusif dan tidak akan dicabar dengan apa-apa cara jua.

Hadiah

9. Beg gelas komputer riba CIMB Preferred (“**Hadiah**”) akan diberikan kepada Pelanggan Layak Kempen ini yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.
10. Setiap Pelanggan Layak hanya akan layak untuk menerima satu (1) Hadiah di bawah Kempen ini. Untuk akaun bersama Preferred CASA/-i, Pemegang Akaun Utama akan dianggap sebagai Pelanggan Layak bagi akaun.
11. Hadiah adalah tidak boleh dipindahmilik dan hanya akan dianugerah kepada Pelanggan Layak seperti yang ditentukan oleh CIMB. Hadiah adalah diberikan sebagaimana adanya dan tidak boleh ditukar atau diganti atas permintaan Pelanggan Layak.
12. Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut hendaklah terpakai untuk Hadiah:
- (a) Imej-imej Hadiah yang ditunjukkan dalam kolateral pemasaran dan/atau periklanan adalah untuk tujuan visual sahaja dan warna/ reka bentuk mungkin akan berubah daripada Hadiah sebenar yang diterima.
 - (b) Pelanggan Layak adalah tidak dibenarkan untuk memilih atau menukar warna atau model Hadiah.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”

- (c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengendorsan, tersirat atau tersurat, secara bertulis atau lisan, tentang Hadiah.
 - (d) CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) berkenaan dengan Hadiah.
 - (e) Semua risiko, kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak semasa penerimaan Hadiah.
 - (f) Pelanggan Layak mengakui dan menerima bahawa Hadiah tidak disahkan oleh CIMB dan oleh itu kemasukan Hadiah tidak akan ditafsirkan sebagai pengendorsan atau cadangan yang sama oleh CIMB.
 - (g) Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab secara tunggal untuk yang berikut akibat daripada penerimaan Hadiah:
 - (i) apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensi terhadap keadaan kewangan beliau sendiri.
 - (h) Pelanggan Layak hendaklah memastikan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB.
 - (i) Pemberitahuan dan/atau penghantaran Hadiah oleh CIMB akan berdasarkan nombor mudah alih dan alamat surat-menyurat Pelanggan Layak dalam Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB.
 - (j) Penghantaran Hadiah hanya sah untuk alamat surat-menyurat yang berbasas dalam Malaysia, dan tidak akan sah untuk alamat surat-menyurat yang berbasas di luar Malaysia dan alamat Peti Surat.
 - (k) Hadiah akan dihantar oleh Tri-E Marketing Sdn Bhd dalam sebelas (11) minggu selepas setiap bulan tamat semasa Tempoh Kempen.
 - (l) CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan berbangkit daripadanya) yang dialami atau bagi apa-apa kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah dalam keadaan nombor mudah alih dan/atau alamat surat-menyurat Pelanggan Layak dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.
13. (a) Dengan menyertai dalam Kempen, Pelanggan Layak memberi kuasa kepada CIMB untuk menerbitkan dan/atau memapar bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pelanggan Layak tanpa pampasan untuk tujuan periklanan dan publisiti dalam cara yang ia dianggap sesuai (“**Hak Penerbitan**”).
- (b) Jika Pelanggan Layak membantah kepada Hak Penerbitan CIMB selepas menyertai dalam Kempen, CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan Hadiah dan memilih Pelanggan Layak lain.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”

14. (a) Pelanggan Layak bertanggungjawab secara tunggal untuk memastikan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat beliau (“**Butiran Perhubungan**”) diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini.
- (b) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan Hadiah jika Butiran Perhubungan Pelanggan Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
- (c) CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan berbangkit daripadanya) dan ganti rugi yang dialami atau ditanggung jika Butiran Perhubungan yang kekal dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tepat.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

15. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai dalam Kempen ini, mereka:
- a) telah mengakses, membaca dan mengesah persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedah data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah, yang akan diberikan dan penentuan dua ratus (200) Pelanggan Layak pertama untuk menerima Hadiah, hendaklah muktamad, terikat, dan konklusif; dan
 - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam (“*act of God*”) di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
16. Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penghantaran Hadiah:
- a) Pelanggan Layak memungkir terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal keahlian CIMB Preferred (“**CPM**”) dan/atau Produk Kelayakan berdaftar;
 - b) CPM dan/atau Produk Kelayakan berdaftar telah ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahan, perintah bertentangan yang diberikan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”**

- c) CPM dan/atau Produk Kelayakan berdaftar adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
17. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan:
- a) mengganggu dengan proses penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
18. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:
- a) menggantikan Hadiah dengan benda lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
 - b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen
- dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
19. Untuk mengelakkan keraguan, PDB dan CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh apa-apa penggantian Hadiah dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekkan atau pelanjutan Kempen.
20. PDB dan CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada penyertaan atau bukan penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian yang timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja PDB dan CIMB.
21. (a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah suai, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (“**Pindaan**”) dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan di suatu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- (b) Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “CIMB PREFERRED 2022 MESRA PRESTIGE”

- (c) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
22. PDB dan CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
23. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan PDB dan CIMB ditanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh PDB dan CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Pelanggan Layak.
24. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa CPM yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
26. (a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“**CRU**”) untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: 603 6204 7788

E-mel: cru@cimb.com

- (b) CIMB boleh mengubah butir-butir perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.